



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**STAIL PENGARAHAN DAN PENDEKATAN DALAM FILEM
DOKUMENTARI ETNOGRAFI**

Laura Janta Anak Gasah

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Sinematografi)
2010

**STAIL PENGARAHAN DAN PENDEKATAN DALAM FILEM
DOKUMENTARI ETNOGRAFI**

LAURA JANTA ANAK GASAH

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Sinematografi)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2010

Projek bertajuk **Stail Pengarahan Dan Pendekatan Dalam Filem Dokumentari Berbentuk Etnografi** telah disediakan oleh Laura Janta Anak Gasah dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (Sinematografi).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Candida Jau Emang)
Penyelia

Tarikh:

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: STAIL PENGARAHAN DAN PENDEKATAN DALAM FILEM DOKUMENTARI
ETNOGRAFI

SESI PENGAJIAN : 2009/2010

Saya LAURA JANTA ANAK GASAH

mengaku membenarkan tesis * ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. **sila tandakan (√)

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

(LAURA JANTA ANAK GASAH)

Penulis

Alamat tetap:
SK. Nanga Babai,
96510 Pakan,
Sarikei,
Sarawak.

Tarikh: _____

(PUAN CANDIDA JAU EMANG)

Penyelia

Tarikh: _____

Catatan: * Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda

** Jika Tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai TERHAD



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Tuhan kerana dengan berkat-Nya saya dapat menyiapkan projek tahun akhir saya ini. Terlebih dahulu saya berterima kasih kepada ahli keluarga saya terutamanya kepada ibu tersayang, Puan Dara Andil dan tunang tercinta, Encik Fedrick Balang Jarit yang telah banyak memberi dorongan, semangat dan bantuan kewangan sehinggalah projek tahun akhir ini dapat disiapkan.

Sekalung penghargaan kepada Ketua Jabatan Seni Persembahan Teknologi dan Produksi iaitu Dr. Nur Afifah Vanitha Abdullah kerana memberi peluang kepada saya merealisasikan projek tahun akhir dengan jayanya. Jutaan terima kasih kepada pensyarah Sinematografi yang memberi didikan yang sempurna iaitu Cik Teo Miaw Lee dan Puan Candida Jau Emang selaku penyelia saya yang sangat prihatin dan banyak memberi tunjuk ajar serta pendapat yang kreatif untuk memperbaiki dan meningkatkan prestasi saya sepanjang pengajian. Tidak ketinggalan jutaan terima kasih kepada tutor Encik Mohd Affendi Azizan dan Encik Mohd Jefri Samron dan juruteknik iaitu Encik Abdul Razak serta Encik Dunstan Dajau Supit yang telah banyak membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa menyiapkan projek tahun akhir saya iaitu *Gawai Antu*.

Jutaan terima kasih buat rakan seperjuangan dalam Program Sinematografi dan krew-krew Fedra Pictures Production yang telah menjayakan projek video dokumentari pendek iaitu "*Gawai Antu*". Akhir kata, setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat dalam menjayakan projek ini secara langsung atau tidak langsung. Semoga Tuhan memberkati perjalanan hidup kalian.

KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Kandungan	iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
1. BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	5
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	7
1.4 Persoalan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Skop Kajian	8
1.7 Istilah	9
1.7.1 Etnografi	9
1.7.2 Antropologi	9
1.7.3 <i>Convention</i>	9
1.7.4 <i>Modes</i>	9
2. BAB 2 SOROTAN KAJIAN	10
3. BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN	
3.0 Metodologi Penyelidikan	24
3.1 <i>Content Analysis</i>	26

3.2	<i>Historiography</i>	27
3.3	Analisis Filem Dokumentari Etnografi	28
3.3.1	Filem Dokumentari <i>Nanook Of The North</i> (1922)	28
3.3.2	Filem Dokumentari <i>Man Of Aran</i> (1934)	29
3.3.3	Filem Dokumentari <i>Baraka</i> (1992)	31
3.4	Hasil Dapatan Kajian	33
4.	BAB 4 PERBINCANGAN PROJEK TAHUN AKHIR	
4.0	Pengenalan	37
4.1	Idea Penghasilan Video Dokumentari Pendek	38
4.2	Sinopsis	39
4.3	Tema	39
4.4	Lokasi Penggambaran	39
4.5	Durasi	39
4.6	Kajian Etnografi (<i>Ethnography</i>) Untuk Menghasilkan Video Dokumentari Pendek	40
4.7	Individu Yang Ditemubual	41
4.7.1	Encik Manggau Anak Injat (Penasihat Perayaan Gawai Antu)	42
4.7.2	Encik Sempurai Anak Manggau (KetuaPengurusa Perayaan)	42
4.7.3	Encik Richard Anak Bgari (Timbalan Ketua Pengurusan Perayaan)	43
4.7.4	Puan Nawi Anak Gundi (Menganyam <i>Garung</i>)	43
4.7.5	Encik Clement Anak Bungsu (Pembaca Mantera)	44
4.7.6	Encik Rawing Anak Jelani (Peminum Air <i>Jalung</i>)	44
4.7.7	Encik Senabong Anak Tutong (Ketua Rumah Panjang)	46
4.7.8	YB Dato Sri William Mawan Anak Ikom (Menteri	47

Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak)	
4.8 Konsep Penyampaian Filem Dokumentari Pendek	47
4.9 Teknik Penyuntingan Video Dokumentari Pendek	48
4.10 Hasil Dapatan Kajian Projek Tahun Akhir	48
5. BAB 5 KESIMPULAN	52
BIBLIOGRAFI	56

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah 1

Aliran Kaedah Metodologi

25

ABSTRAK

STAIL PENGARAHAN DAN PENDEKATAN DALAM FILEM DOKUMENTARI ETNOGRAFI

Laura Janta Gasah

Filem dokumentari etnografi merupakan sebuah filem dokumentari yang memaparkan cara hidup dan kebudayaan sesebuah etnik. Hal ini menyebabkan filem dokumentari etnografi mempunyai bentuk penyampaian untuk menyampaikan isu yang melalui visual yang cuba disampaikan. Kajian ini difokuskan kepada bentuk pengarah dan penyampaian filem dokumentari berbentuk dokumentari etnografi. Kajian ini bertujuan meneliti dan mengetahui teknik penyampaian yang sesuai digunakan dalam filem dokumentari berbentuk etnografi. Ini disebabkan filem dokumentari berbentuk etnografi selalunya menggunakan *observational modes* dalam menyampaikan isu melalui visual yang dipaparkan. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif seperti *content analysis*, *historiagraphy* dan pemerhatian kepada filem dokumentari yang berbentuk etnografi. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan *observational modes* merupakan teknik penyampaian yang kurang memberi penerangan yang jelas kepada para penonton kerana tidak mempunyai fakta sejarah dan latar masa yang jelas berbanding dengan *expository modes* yang mempunyai penerangan yang lengkap.

ABSTRACT

DIRECTING STYLE AND APPROACH IN AN ETHNOGRAPHIC DOCUMENTARY

Laura Janta Gasah

An ethnographic documentary can visually highlight and show an ethnic culture and lifestyle practices. This is because of the unique features and different approach the ethnography method uses to protrude the issues or theme that it wants to convey to the audience. This research priority is focused at the directing and film portraying using the methods of ethnographic approach in documentary film making. This research is conducted to observe and to know about which presentation technique is suitable to be used in this documentary. Normally, ethnographic documentaries uses observational modes to present the issues that it wishes to convey to the audience. Hence, this research uses qualitative methods such as content analysis, historiography, and observation on the ethnographic documentary. The outcome of this research is that observational modes is a non informative documentary compared to expository modes because observational modes lack of factual historical inputs and time setting while expository modes is much more complete and informative.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Filem merupakan sebuah karya seni yang memainkan peranan untuk menyampaikan maklumat, mesej dan luahan secara halus mengenai sesuatu isu kepada masyarakat dan secara tidak langsung filem juga turut menjadi hiburan kepada masyarakat awam. Filem juga mendekatkan para penonton atau masyarakat ke dunia rekaan yang dikaitkan dengan dunia realiti, fantasi dan sebaliknya. Filem juga

berperanan sebagai seni media yang sudah menjadi fenomena abad ke-20 yang sukar ditandingi. Sejak ia mula dicipta dan diperkenalkan oleh Lumiere bersaudara lebih 100 tahun lalu (1895), perkembangannya begitu drastik sekali dan dari masa ke semasa sentiasa memperlihatkan kemajuan dalam pelbagai aspek. Bermula daripada filem bisu kepada bersuara, daripada filem hitam putih kepada filem berwarna, daripada format 16mm hingga kepada 70mm, daripada dua dimensi kepada 3D, daripada sistem bunyi konvensional beralih kepada sistem *surround* Dolby, DTS atau THX, daripada imej biasa kepada imej janaan komputer (CGI - *computer generated image*), segala-galanya membuatkan penggemar filem semakin kagum dengan keunikan seni visual tersebut.

Terdapat filem yang berbentuk *fiction* dan *non-fiction*. Filem *fiction* ialah filem yang berkonsepkan *genre* seram seperti filem Pontianak Harum Sundal Malam yang diarahkan oleh Suhaimi Baba, *genre* cinta seperti filem Laila Isabella arahan Rahsid Sibir, *genre* noir seperti filem Kala Malam Bulan Mengambang arahan Mamat Khalid dan sebagainya. Sementara itu, filem dokumentari adalah filem yang tidak mempunyai *genre* yang dikenali sebagai *non-fiction*. Filem dokumentari adalah filem yang merakamkan peristiwa sebenar sama ada berdasarkan fakta, pengalaman, penceritaan semula dan sebagainya. Menurut Hans Richter (1976) dalam bukunya *The Struggle For The Film* istilah dokumentari buat pertama kalinya digunakan oleh John Grierson atau nama samarannya The Moviegoer di New York pada 8 Februari 1926 menerusi filem *Moana* (1926) yang diarahkan oleh Robert Flaherty. Sementara itu, di Perancis, istilah dokumentari digunakan untuk semua filem *non-fiction* atau

tidak mempunyai *genre*, termasuk filem mengenai perjalanan dan filem pendidikan. Berdasarkan definisi ini, semua filem awal adalah film dokumentari. Pada abad ke-18, Auguste Lumière dan Louis Lumiere dari Perancis berjaya mencipta kamera wayang pertama yang dipanggil *Cinematograph*. Lumiere bersaudara atau lebih dikenali sebagai Lumiere Brothers ini telah membuat tayangan pertama *cinematograph* Lumiere pada 28 Disember 1895 di Grand Cafe bertempat di Boulevard Des Capucines, Paris. Lumiere giat merakamkan gambar bergerak tentang kehidupan seharian masyarakat seperti cara makan, bekerja atau budaya warga Perancis ketika itu. Contohnya, Lumiere Brothers merakamkan gelagat para pekerja yang keluar pulang dari kilang yang akhirnya dikenali sebagai *Workers Leaving The Factory* pada tahun 1895. Oleh yang demikian, projek rakaman tersebut telah menjadi medium dokumentasi yang merakamkan sesuatu kejadian yang mempunyai hubungan secara langsung dengan aktiviti sosial sesuatu kaum atau masyarakat.

Selain itu, dokumentari terdiri daripada dokumentari yang berbentuk etnografi, pengalaman melalui pengembaraan atau penjelajahan, filem propaganda, *cinema verite*, penceritaan semula atau lebih dikenali sebagai *re-enactment*. Setiap dokumentari mempunyai konsep dan *modes* atau cara penyampaian yang tersendiri dalam memainkan dan memperkembangkan peranan sebagai medium untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat. Antaranya ialah dokumentari yang mempunyai cara penyampaian melalui teknik pemerhatian yang dikenali sebagai '*fly on the wall*' yang mengistilahkan pemerhatian visual melalui rakaman dari dokumentari. Hal ini kerana dokumentari merupakan satu medium yang menjadi

pemerhati terhadap isu kehidupan sosial masyarakat dalam bentuk visual dan secara tidak langsung memberi maklumat kepada para penonton dan pelbagai golongan masyarakat luar.

Menurut Nelmes (1993), menerusi buku *An Introduction To Film Study Second Edition*, dokumentari merupakan analisis yang benar sebagai daya pemerhatian untuk memaparkan sudut realiti dengan membincangkan kebenaran untuk diteliti. Dokumentari juga merupakan pemerhatian kepada sosial yang berdasarkan pernyataan sejarah ataupun pemahaman dalam sesuatu keadaan isu untuk memaksa pertumbuhan dan membuat tindakan dari penghasilannya. Seterusnya, beliau berpendapat dokumentari juga berperanan menyampaikan objektif yang kukuh mengenai sesuatu isu dan kejadian melalui struktur budaya dan organisasi sosial.

Dokumentari etnografi merupakan sebuah dokumentari yang memberi kenyataan tentang aktiviti sosial, budaya atau kegiatan harian sesebuah masyarakat, kepercayaan, keagamaan, perayaan mengenai sesebuah etnik. Menurut Seale (1999) istilah etnografi berasal daripada perkataan *ethno* (bangsa) dan *graphy* (menguraikan atau menggambarkan). Etnografi merupakan satu kaedah pemaparan realiti budaya memahami cara berinteraksi dan bekerjasama melalui fenomena budaya dalam kehidupan sehari-hari. Etnografi lazimnya bertujuan untuk menghuraikan budaya tertentu secara terperinci sama ada melalui aspek budaya, spiritual ataupun material. Pemahaman ini kerana etnografi akan mengetengahkan isu sebenar dari fenomena budaya dan kehidupan sosial. Dengan demikian para penonton akan menemui makna tindakan budaya dan kehidupan sosial suatu komuniti atau etnik yang didedahkan

melalui dokumentari etnografi. Contohnya, Robert Flaherty telah menghasilkan sebuah dokumentari *Nanook Of The North* pada tahun 1922 yang memaparkan kehidupan masyarakat Eskimo di utara Canada menerusi pengembaraan beliau sendiri pada masa itu. Seterusnya, dokumentari etnografi turut menggunakan *social actors* tanpa disedari sendiri oleh watak yang dijadikan subjek dalam dokumentari etnografi.

1.1 Latar Belakang Kajian

Terma dokumentari mula diberikan pada tahun 1920-an. Selain itu, filem dokumentari yang merakamkan tentang kenyataan sebenar kemudiannya menjadi medium pemerhatian dan secara tidak langsung dokumentari diibaratkan sebagai tingkap dunia yang menjadikan *frame* sebagai pengganti untuk pandangan mata atau *viewer's eye* para penonton.

Dokumentari merupakan medium yang mencerminkan atau menggambarkan sekeliling di mana telah mengemukakan isu yang sepenuhnya untuk membangkitkan kesedaran masyarakat yang menontonnya. Penghasilan dokumentari berperanan menyedarkan para penonton untuk memilih tindakan yang betul dalam menyelesaikan konflik yang dihadapi. Seterusnya, penghasilan dokumentari juga adalah berdasarkan perletakkan nilai yang tinggi dalam melalui kepedihan, kompromi dan pengetahuan dalam menjadikan hidup yang lebih sempurna. Hal yang sedemikian, tidak menghairankan apabila dokumentari merupakan medium yang berkesan dalam menyampaikan mesej yang bersandarkan pada kehidupan seharian.

Seterusnya, dokumentari etnografi turut memainkan peranan dalam mengetengahkan isu dalam kehidupan sosial sesebuah masyarakat. Menurut Robert Park (1920) dari University Of Chicago, para antropologi telah memanfaatkan etnografi sebagai wahana untuk memaparkan pengalaman dan kajian mereka. Etnografi menjadi sebuah cara yang paling tepat untuk menggambarkan realiti kehidupan masyarakat yang dikaji. Bagi kajian antropologi klasik, etnografi menjadi jambatan antara para pemikir teori terhadap realiti kehidupan harian. Seterusnya, etnografi adalah sesebuah sudut pandang yang universal yang menyentuh apa sahaja yang berkaitan dengan realiti selagi ia berada dalam kelompok manusia.

Seterusnya, Brewer (2000) menyatakan bahawa etnografi adalah pekerjaan menggambarkan kebudayaan. Tujuan utama pemahaman melalui etnografi adalah untuk memahami cara-cara kehidupan lain dari sudut pandangan masyarakat. Memaparkan sesuatu etnografi bukan saja bermaksud kita memahami kehidupan dan budaya sosial suatu etnik, tetapi menyebabkan kita belajar tentang budaya sosial dari sesebuah etnik. Beliau turut menyatakan dokumentari etnografi adalah penelitian untuk mendiskripsikan kebudayaan seperti kewujudan pada awalnya. Seterusnya, beliau mengemukakan etnografi akan membuatkan masyarakat mempelajari budaya hidup etnik yang turut menyajikan pandangan hidup subjek sebagai objektif pengetahuan kepada pelbagai masyarakat. Ini menyebabkan pengetahuan tersebut akan mendedahkan bagaimana subjek dalam dokumentari tersebut berfikir, hidup dan bertindak dalam melakukan sesuatu bagi aktiviti sosial sama ada berbentuk keagamaan, adat resam dan sebagainya. Ini menyebabkan dokumentari etnografi

memaparkan peristiwa, budaya dan kehidupan sosial yang unik dan jarang diamati serta diketahui oleh kebanyakan masyarakat kerana kurangnya dokumentari berbentuk dokumentari berbentuk etnografi ini.

Dokumentari etnografi juga mempertahankan unsur-unsur realisme yang menjadi sebuah kajian ilmu sosial. Ini disebabkan dokumentari ini merupakan *point of view* kepada masyarakat luar untuk mengetahui tentang sesuatu adat resam, budaya dan kehidupan sosial sesebuah kaum. Selain itu, dokumentari etnografi merupakan pemerhatian kepada sekumpulan manusia dan berusaha mengetahui faktor utama manusia melakukan sesuatu perkara.

1.2 Penyataan Masalah

Filem dokumentari berbentuk etnografi kebiasaannya selalu menggunakan teknik penyampaian *observational modes* untuk memaparkan visual. Penggunaan *modes* ini yang tidak menggunakan *voice over* atau teknik penyampaian yang jelas menyebabkan para penonton kurang memahami isu yang cuba disampaikan dan visual yang dipaparkan dalam dokumentari berbentuk etnografi.

1.3 Objektif Kajian

- i. Mengkaji bentuk filem dokumentari etnografi.
- ii. Mengenalpasti *convention* dan *modes* yang sesuai dengan menganalisa filem dokumentari berbentuk etnografi yang terpilih.
- iii. Menghasilkan satu dokumentari pendek yang bersifat etnografi untuk memaparkan dan mendokumentasikan aktiviti harian masyarakat Iban dalam menyambut perayaan *gawai antu*.

1.4 Persoalan Kajian

- i. Bagaimanakah bentuk penyampaian dan teknik pengarahannya yang sesuai digunakan dalam dokumentari berbentuk etnografi?

1.5 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mengetahui bentuk pengarahannya dan teknik penyampaian dalam filem dokumentari etnografi. Hal ini kerana filem dokumentari etnografi merupakan salah satu dari aspek medium untuk memberi pendedahan kepada masyarakat luar mengenai sesuatu isu yang nyata dan perlu diteliti. Manakala, elemen-elemen dalam filem dokumentari etnografi ini merupakan perkara asas yang perlu ada untuk mempengaruhi para penonton dan dapat memberi kesan terhadap perkembangan struktur naratif filem dokumentari etnografi ini.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian adalah lebih fokus kepada dokumentari berbentuk etnografi yang mempunyai struktur dalam mempersembahkan isu tentang kehidupan dan budaya sosial dalam sesebuah kaum. Ini disebabkan setiap budaya dan kehidupan sosial mempunyai kepentingan tersendiri dalam siratan kehidupan masyarakat tersebut. Kajian ini untuk meneliti bentuk penyampaian dan pengarahannya yang diterapkan di dalam dokumentari berbentuk etnografi dalam menyampaikan sesebuah isu. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengetahui kesesuaian cara penyampaian dan pengarahannya dokumentari etnografi sebagai penghubung dan paparan kepada masyarakat luar

tentang struktur isu atau fenomena budaya dan kehidupan dalam sebuah organisasi yang dikaji.

1.7 Istilah

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah tertentu digunakan untuk membuat penelitian.

1.7.1 Etnografi

Etnografi adalah suatu pemerhatian terhadap kebudayaan sebuah etnik. Etnografi merupakan pengetahuan yang meliputi teknik penelitian dan teori etnografis yang mendeskripsikan sebuah kebudayaan. Hal yang demikian, etnografi adalah pendekatan dan penelitian mengenai antropologi yang fokus kepada sejarah peradaban sebuah etnik yang dikaji.

1.7.2 Antropolgi

Antropologi merupakan bidang sains yang membuat kajian mengenai asal usul manusia seperti perkembangan fizikal, budaya dan adat resam.

1.7.3 *Convention*

Stail yang digunakan oleh pengarah untuk mempersembahkan dokumentari bagi mempengaruhi *audien* mengetahui konsep seseorang pengarah.

1.7.4 *Modes*

Teknik penyampaian yang digunakan dalam sebuah filem dokumentari.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

Filem dokumentari etnografi mempunyai bentuk yang tersendiri dalam menyampaikan sesebuah isu melalui pemaparan visual. Sorotan kajian ini telah meneliti isu bentuk dokumentari etnografi, *convention* dan *modes* yang digunakan dalam filem dokumentari tersebut. Soroton kajian ini cuba mengupas pendapat para sarjana mengenai isu penggunaan teknik untuk menyampaikan *subject matter* dalam filem dokumentari etnografi.

Etnografi berasal daripada perkataan *ethnos* yang bermaksud suku bangsa dan perkataan *graphy* adalah gambaran tentang suku bangsa. Seterusnya, etnografi adalah

kesatuan sosial yang merangkumi bahasa dan loghat, identiti dan susunan budaya sosial yang terdapat dalam sesebuah etnik. Hal yang sedemikian, etnografi juga adalah sebuah lakaran lukisan mengenai kehidupan sesebuah bangsa atau etnik. Menurut sejarah, istilah etnografi semakin berkembang pada tahun 1960. Melalui kajian etnografi ini bermulanya penemuan cara sesebuah masyarakat, kaum atau etnik dalam membentuk budaya mereka dan kemudiannya diterapkan dalam kehidupan seharian. Setiap pengkaji tidak dapat membuat kesimpulan secara rawak, tetapi pengkaji hendaklah meneliti sendiri pemikiran masyarakat yang dikaji.

Borth (1995) juga telah mengemukakan etnografi berasal dari kata latin iaitu *ethnos* yang bermaksud suku bangsa dan *grafien* yang bermaksud gambaran yang dikatakan ilmu pengetahuan yang mempelajari suku bangsa atau etnik dalam aspek kebudayaannya. Contohnya, dalam kajian antropologi beliau menyatakan etnografi sering disebut sebagai *tribe* berbanding *ethnie*. Ini disebabkan *ethnie* lebih memberi pemahaman adanya perbezaan kelompok dalam suatu masyarakat berdasarkan ada istiadat, bahasa, sejarah dan kebudayaan.

Etnografi berasal daripada asal-usul ilmu antropologi. Ini membuktikan bahawa etnografi berkaitan dengan aspek antropologi yang merupakan kajian realiti terhadap sesebuah kebudayaan. Ini menunjukkan bahawa usaha untuk menghuraikan aspek-aspek kebudayaan juga adalah dinamakan etnografi. Secara tidak langsung etnografi merupakan salah satu daripada medium yang mengawal norma sesebuah masyarakat yang mempunyai tradisi asal. Ini dibuktikan oleh Brewer (2000).

Ethnography is study of people in naturally occurring settings or 'fields' by means of methods which capture their social meanings and ordinary activities, involving the researcher participating directly in the setting, if not also the activities...
(Brewer,2000, m.s. 10)

Filem dokumentari etnografi merupakan saranan pendidikan alternatif yang mampu mengasah kepekaan masyarakat terhadap pelbagai aspek kehidupan khususnya dalam aspek sosial dan budaya. Melalui filem dokumentari etnografi masyarakat atau para penonton secara tidak langsung akan mula memperbaiki dan meningkatkan mutu kehidupan seharian. Contohnya, sesebuah masyarakat atau kaum sentiasa memelihara budaya, adat resam dan kepercayaan nenek moyang agar tidak ditelan zaman. Malahan, budaya yang diamalkan terus menjadi warisan kaum itu sendiri dan juga rujukan kepada masyarakat luar dari segi bidang intelektual dalam aspek antropologi sosial. Ini dapat dibuktikan melalui Brewer (2000). *While social anthropology called this approach 'ethnography' sociologists tended to call participant observation or field research, but it meant much the same thing in the way research was conducted.* (Brewer, 2000, m.s. 12-13)

Dokumentari etnografi yang berasal daripada antropologi juga merupakan pemerhatian secara langsung terhadap kegiatan manusia dalam konteks sosial dan budaya yang realiti. Selain itu, dokumentari etnografi akan mendedahkan faktor yang mempengaruhi sesebuah masyarakat melakukan atau meneruskan kehidupan secara berterusan dalam kehidupan seharian. Contohnya, melalui penelitian budaya dan